

BANYAK MENGINGATI MATI ELAK LEKA KESERONOKAN DUNIA

Oleh: Ustaz Najion Jamil

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَيَّمَا تَكُونُوا يُدْرِكُكُمُ الْمَوْتُ وَلَوْ كُنْتُمْ فِي بُرُوجٍ مُّشِيدَةٍ وَإِنْ تُصِبْهُمْ حَسَنَةٌ يَقُولُوا هَذِهِ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ ^ط
وَإِنْ تُصِبْهُمْ سَيِّئَةٌ يَقُولُوا هَذِهِ مِنْ عِنْدِكَ قُلْ كُلٌّ مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ ^ط فَمَالِ هَؤُلَاءِ الْقَوْمِ لَا يَكَادُونَ يَفْقَهُونَ
حَدِيثًا

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SAUDARA JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH!

Sama-samalah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT agar beroleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Untuk itu, marilah kita pergunakan sebaik-baiknya baki hidup yang masih tersisa ini untuk sentiasa mengingati mati dan azab Allah di samping mengerjakan segala perintah Allah SWT serta menjauhi segala larangan-Nya kerana inilah antara jalan mencapai darjat takwa.

Ibnu 'Abbas menyatakan orang bertakwa adalah mereka yang sentiasa mengingati seksaan Allah apabila meninggalkan perintah-Nya, oleh itu mereka akan melaksanakan perintah itu dengan penuh kepatuhan dan mengharapkan keredaan Allah.

Justeru, jangan bertangguh lagi dalam mentaati perintah Allah SWT kerana sesungguhnya kita tidak mengetahui bila malaikat maut akan menjemput kita. Ingatlah, apabila sampai ajal seseorang itu, ia tidak boleh ditunda atau dipercepatkan walau sesaat sekalipun sebagaimana dijelaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ فَإِذَا جَاءَ أَجْلُهُمْ لَا يَسْتَأْخِرُونَ سَاعَةً وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ ﴿١٠٦﴾

Yang bermaksud: “Dan bagi tiap-tiap umat ada tempoh yang ditetapkan, maka apabila telah datang tempohnya mereka tidak dapat mengundurkannya barang sesaat pun dan tidak dapat (pula) mempercepatkannya.” (S. al-A'raaf: 34).

SAUDARA JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH!

Hampir setiap saat ada bayi yang lahir ke dunia ini, dan demikian juga hampir setiap detik ada yang kembali ke rahmatullah. Sebab-musabab kematian itu pula berbagai, ada yang sakit, ada yang kemalangan, ada yang dibunuh, ada yang terkorban angkara peperangan, ada yang mati sewaktu tidur dan sebagainya. Kesemuanya adalah ketentuan Ilahi kerana hakikatnya setiap yang bernyawa dan hidup pasti akan mati apabila sampai waktunya sebagaimana firman Allah SWT dalam Kitab Suci-Nya:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوَفَّوْنَ أَجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَمَنْ زُحْزِحَ عَنِ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ ﴿١٨٥﴾

Yang bermaksud: “Tiap yang bernyawa akan merasai mati, dan bahawasanya pada hari Kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. Maka sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga maka sesungguhnya ia telah berjaya. Dan tiadalah kehidupan di dunia ini melainkan kesenangan yang memperdayakan.” (S. Ali-Imraan: 185).

Melalui ayat ini, Allah SWT menegaskan bahawa setiap makhluk yang bernyawa pasti akan mati. Hanya pada hari Kiamat kelak, manusia akan menerima balasan sesuai dengan kadar amalan dan ketakwaan masing-masing. Sesiapa yang menerima balasan syurga, maka berjayalah dia. Sesiapa yang dimasukkan ke dalam neraka, maka rugilah dia.

Selain itu, Allah turut menjelaskan bahawa kehidupan di dunia ini dipenuhi dengan kesenangan yang memperdayakan. Ini menyebabkan ramai manusia lalai daripada mengingati mati, apatah lagi membuat persiapan menghadapi sesuatu yang sudah pasti itu. Atas kenyataan ini, maka kita sangat dianjurkan supaya sentiasa mengingati mati dan peristiwa-peristiwa yang mengiringinya seperti soalan Munkar dan Nakir, azab kubur, kebangkitan semula pada hari kiamat untuk dihisab amalan masing-masing, balasan syurga dan neraka dan lain-lain lagi. Banyak mengingati mati dapat mengelakkan kita daripada leka dan terpedaya dengan keseronokan dunia yang mempesonakan. Malah, sentiasa mengingati mati juga akan mendorong kita untuk meningkatkan amal ibadah Sebagai persiapan menghadapi saat yang pasti menjelma itu.

SAUDARA JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH!

Manusia yang banyak mengingati mati sentiasa menginsafi dirinya dan menyedari Allah Maha Memerhati serta Mengawasi setiap gerak gerinya sama ada pada waktu terang mahupun sunyi. Lantas, dia akan memendekkan angan-angannya, banyak melakukan amal kebajikan dan sentiasa berusaha mengeratkan tali silaturahim. Pendek kata, Muslim yang dalam hidupnya sering mengingati mati pasti kalbunya dihiasi dengan bunga keinsafan yang akan mendorongnya untuk berakhlak mulia, meningkatkan keimanan dan ketakwaan serta beramal soleh baik malam mahupun siang. Dilakukan semuanya itu kerana sedar bahawa setiap manusia, baik kaya atau miskin, memiliki kedudukan yang tinggi mahupun rendah, cerdik atau bodoh, cacat atau sempurna sifatnya, pasti semuanya akan kembali menyatu dengan tanah untuk selanjutnya menghadapi persoalan kubur.

Dalam erti kata yang lain, walau kematian itu merupakan suatu yang ghaib, namun adalah suatu yang pasti terjadi menjemput setiap insan yang bernyawa. Malaikat Izrail, tukang pencabut nyawa, tidak memilih sama ada seseorang itu pemimpin atau rakyat biasa, berharta atau miskin, orang soleh ataupun penjahat, semuanya akan mati bila sampai giliran masing-masing. Hakikat ini selaras dengan firman Allah:

قُلْ إِنَّ الْمَوْتَ الَّذِي تَفِرُونَ مِنْهُ فَإِنَّهُ مُلْقِيكُمْ ثُمَّ تُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

Yang bermaksud: "Katakanlah, bahawa mati yang kamu lari daripadanya, pasti akan menemui kamu juga, kemudian itu kamu akan dikembalikan kepada Tuhan yang mengetahui perkara ghaib dan nyata, lalu Dia akan khabarkan kepadamu segala apa yang sudah kamu lakukan." (S. Al-Jumu'ah: 8).

SAUDARA JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH!

Orang yang meninggal dunia akan berpisah dengan semua harta yang dimiliki dan orang yang dikasihi di dunia. Jasadnya yang terbujur kaku akan dimandikan, dikafankan, disembahyangkan dan dihantar ke tanah perkuburan untuk dikebumikan. Dengan itu, berhijrahlah dia ke alam barzakh sebagai tempat perhentian sementara menunggu hari dihisab dan pembalasan hari akhirat.

Mereka yang menyedari akan hakikat tersebut Dan sentiasa mengingati mati pasti sentiasa berhati-hati dalam semua tindak-tanduknya, bersifat rendah hati, ikhlas, beramal kebajikan dan zuhud di jalan Allah SWT. Harta, pangkat kebesaran, percakapan dan perasaan cintakan dunia tidak mempengaruhi sikapnya terhadap manusia lain. Dia sedar dan faham bahawa manusia sebagai makhluk ciptaan Allah akan kembali kepada-Nya dan akan dipertanggungjawabkan ke atas segala amal perbuatannya di dunia. Manusia harus sedar bahawa hanya tingkatan takwa yang membezakan kedudukan manusia di sisi Allah SWT.

Lantas, dia tidak takut jatuh papa dan miskin untuk berinfaq di jalan Allah demi meringankan penderitaan hidup orang lain. Jawatan atau pangkat kebesaran dimanfaatkannya untuk kemasalahatan masyarakat dan ummah, dan bukannya untuk menyusahkan hidup rakyat. Segala kelebihan dan keistimewaan yang dimiliki digunakan sebaik-baiknya untuk mensejahterakan hidup masyarakat.

SAUDARA JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH!

Mengingati mati juga memberi ketenangan dan menyuburkan keinsafan diri. Ini dijelaskan oleh Rasulullah dalam sabdanya yang bermaksud: "Perbanyakkanlah mengingati mati yang akan menghapuskan kelazatan. Jika ia diingati dan direnung pada waktu susah, nescaya perasaan akan menjadi lapang dan tenang dan jika ia diingati pada waktu senang, nescaya hati dan perasaan akan sedar dan menginsafi diri." (HR Al-Bazzar dan Al-Baihaqi)

Dalam pada itu, sebahagian ulama berpendapat bahawa sesiapa yang banyak mengingati mati maka dia akan mengutamakan tiga perkara. Tiga perkara yang dimaksudkan itu ialah menyejatkan taubat dan tidak mengulangi perbuatan mungkar, hatinya berasa tenang apabila menghadapi sebarang masalah, dan mudah serta rajin beribadat sepanjang masa.

Manakala bagi mereka yang lupa akan mati dia akan menderita dengan tiga perkara, iaitu lambat berusaha untuk bertaubat, tidak rela hidup yang sederhana dan malas beribadah.

SAUDARA JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH!

Anjuran supaya banyak mengingati mati bukan bertujuan melemahkan umat serta meninggalkan terus urusan keduniaan. Begitu juga galakan supaya mengingati mati bukan bertujuan menyaran umat supaya minta cepat mati. Islam tidak menyuruh umatnya bercita-cita supaya cepat mati, malah perbuatan sedemikian sangat dilarang.

Sebaliknya, memikirkan tentang kematian merupakan saranan untuk mendorong setiap Muslim mempunyai wawasan hidup duniawi dan ukhrawi yang jelas, mempunyai semangat yang kuat dan beristiqamah menelusuri perjalanan hidup penuh pancaroba dengan sentiasa bergantung harap kepada Allah SWT. Ini kerana kehidupan di dunia ibarat kebun tempat kita bercucuk tanam yang hasilnya akan kita tuai di akhirat nanti.

Dengan itu, perbuatan mengingati mati diharap mendorong kita sentiasa mempertingkatkan amal ibadat, sama ada yang fardu mahupun sunat demi memperhambakan diri kepada Allah dengan penuh ikhlas dan istiqamah.

Dengan kata lain, mengingati mati juga akan mendorong kita untuk sentiasa berusaha sedaya upaya menjauhkan diri daripada melakukan dosa atau perkara dilarang Allah SWT. Tindakan ini kita lakukan sebagai menzahirkan rasa takut kepada azab yang Allah sediakan di akhirat nanti untuk orang berdosa. Tambahan pula, setiap manusia pernah berbuat kesalahan atau dosa dan sebaik-baik amalan orang yang berbuat dosa adalah segera memohon ampun dan bertaubat kepada Allah SWT.

Jika tidak segera bertaubat, adalah dikhuatiri matinya sebelum sempat bertaubat. Ini kerana mati itu rahsia Allah. Tiada sesiapa yang tahu bila dan di mana dia akan mati.

Maka, kita diperintahkan supaya segera bertaubat sebagaimana firman Allah:

﴿ وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴾

Yang bermaksud: "Dan bersegeralah kamu kepada keampunan dari Tuhanmu dan (mendapat) syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa." (S. Ali-Imraan: 133).

SAUDARA JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH!

Sebaik-baik manusia menurut pandangan Islam adalah orang yang panjang umurnya dan baik perbuatannya, sedangkan sejahat-jahat manusia ialah orang yang panjang umurnya tetapi jahat kelakuannya. Bersesuaian dengan ketentuan itu, adalah diharapkan agar setiap Muslim dapat mengambil pengajaran daripada kematian yang satu persatu dialami oleh orang yang terdahulu sebelum kita. Betapa hidup ini hanya sejenak saja, terlalu sayang untuk disia-siakan dengan perbuatan yang tidak bermanfaat.

Oleh sebab itu, marilah kita sama-sama mengisi hidup ini dengan melaksanakan perkara-perkara yang diperintahkan dan diredai Allah SWT, dan pada masa yang sama sentiasa mengingati mati dengan diiringi istighfar dan taubat. Ini adalah usaha memastikan diri mencapai darjat takwa serta mati dalam keadaan Islam sebagaimana dianjurkan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ۖ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴾

Yang bermaksud: "Wahai orang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam." (S. Ali Imraan: 102).

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ , وَنَفَعْنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ , وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ , أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَ لِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فِيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ النَّاعِيْنَ .



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah